

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: Thursday, 13 July, 2017 11:43 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: SUARA KETUA HAKIM NEGARA AMAT BERNILAI



13 JULAI 2017 / 19 SYAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

SUARA KETUA HAKIM NEGARA AMAT BERNILAI



ANJUNG TAMU ONLINE: Masa berlalu, namun suara dan pandangan beliau terhadap UUM Welcome Centre tetap tersemat dalam sejarah ilmu.

Seorang hakim yang mengerti kebenaran dan membuat keputusan amat bernilai untuk dunia sejangat. Dengan tenang beliau bersuara tetapi boleh kedengaran di dalamnya satu ketegasan.


"Very Impressive!", suara yang dikeluarkan oleh seorang Ketua Hakim Negara.

YAA Tan Sri Dato' Seri Md. Raus Sharif berkata demikian sejurus selepas *Discover UUM* di Welcome Centre yang diiringi Naib Canselor UUM, YBhg. Prof. Dato' Seri Dr. Mohamed Mustafa Ishak.

Umum mengetahui, seorang hakim perlu mendengar, menerima dengan minda yang terbuka, sabar dan setelah menimbangkannya secara teliti dan saksama akan membuat keputusan. Dengan bahasa mudah, seorang hakim itu lebih banyak mendengar daripada bercakap.

Justeru penjelasan tentang sejarah awal, tempat menarik dan kepimpinan UUM sehingga mencecah 33 tahun turut didengari oleh beliau semasa disampaikan oleh Welcome Centre. Hakikat ini bererti beliau juga memastikan ilmu dan kepakaran beliau sejajar dengan kehendak Universiti Awam.

Seiring dengan itu, UUM bangga dengan kehadiran Ketua Hakim Negara ke kampus yang mencatat kenangan kekal serta memberi impak yang besar dalam memacu agenda Pusat Pengajian Undang-undang (SoL).



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.